



DR. WAN HASHIM WAN TEH MENULIS...

Amanat Dr. Mahathir kepada
pemimpin dan ahli UMNO

Lobi-melobi hendaklah dihindarkan

Mn.M. 12 NOV 1989

DI AWAL tahun ini hampir setahun yang lalu, saya menulis mengenai UMNO dengan tajuk "Jadikan '89 Sebagai Tahun Perdamaian" (*Mingguan Malaysia* 8 Januari 1989).

Kini kita sudah berada di akhir tahun 1989. Harapan untuk UMNO bersatu semula dengan Semangat '46 pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah hanya akan tinggal sebagai harapan sahaja. Melalui beberapa pilihanraya kecil sepanjang tahun ini, Semangat '46 sudah jelas muncul sebagai sebuah parti politik pembangkang saingan terhadap kewibawaan UMNO.

Kalau di masa-masa lalu kita menganggap kumpulan Tengku Razaleigh sebagai 'kumpulan serpihan' daripada UMNO yang mungkin akan bersatu semula dengan badan induknya UMNO, kini ia sudah muncul sebagai sebuah kumpulan dan parti politik yang berdaftar dan bebas bergerak seperti parti-parti politik lainnya. Parti Semangat '46 sudah mempunyai Presiden dan ahli-ahli Majlis Tertingginya tersendiri. Ia mengadakan mesyuarat agung tahunan di samping mempunyai cawangan-cawangan dan bahagian.

Semangat '46 bukan sekadar muncul sebagai sebuah parti alternatif kepada UMNO untuk memikat hati mereka yang dikatakan kecewa dengan perjuangan UMNO pimpinan Mahathir, tetapi ia berazam untuk mewujudkan kesatuan ala Barisan Nasional bagi parti-parti pembangkang menerusi Angkatan Perpaduan Ummah.

Setakat manakah kejayaan kerjasama di antara Semangat '46 dengan PAS, Berjasa dan Hamim, masih belum dapat dipastikan. Kerjasama Angkatan Perpaduan Ummah dan DAP sudah menjadi satu masalah kerana ideologi PAS dan DAP yang jauh berbeza.

lama dua tahun sebagai persiapan menunjukkan bahawa persiapan untuk pilihanraya juga mestilah bermula dari sekarang walaupun pilihanraya akan diadakan pada akhir tahun 1990 atau awal tahun 1991.

Orang-orang UMNO khususnya diminta bekerja kuat dan menganggap pilihanraya sebagai sesuatu yang serius. Hakikat ini dipadankan daripada kejayaan yang begitu tinggi apabila CHOGM diadakan dan ia adalah hasil persiapan yang rapi serta daya usaha dan kerjasama yang begitu baik dari semua mereka yang terlibat.

Walaupun bagaimanapun, dalam ucapan yang mengambil masa kira-kira sejam lamanya, Dr. Mahathir telah membayangkan kebimbangan beliau terhadap UMNO di dalam menghadapi pilihanraya. Kebimbangan ini tidaklah sangat terhadap parti lawan termasuk Semangat '46. Tetapi kebimbangan kemungkinan akan timbul perbalahan sesama pemimpin UMNO di peringkat bahagian.

Perbalahan dan sengketa ini biasanya lahir daripada pemilihan oleh pucuk pimpinan negeri dan Pusat calon - calon yang dicadangkan untuk mewakili Partri UMNO.

Sekarang ini sudah timbul kegiatan lobi-melobi di peringkat bahagian siapa layak menjadi calon kerusi Parlimen dan siapa pula akan dipilih menjadi calon untuk kerusi Dewan Undangan Negeri.

Pada kebiasaannya, pemilihan calon-calon dibuat oleh Presiden parti dan 'kumpulan dalam' *cinner circle* beliau dengan dibantu oleh Ketua Perhubungan UMNO Negeri, iaitu Menteri Besar atau Ketua Menteri. Jawatankuasa Bahagian boleh memberi cadangan dan mengemukakan calon pilihan. Tetapi keputusan akhir masih tetap pada pu-

Malah mungkin terdapat juga perbezaan yang ketara di antara Semangat '46 dan DAP yang masih berjaya disembunyikan. Apakah Semangat '46 yang akar umbi perjuangannya adalah kebangsaan Melayu boleh berkompromi dengan DAP yang mementang faham kebangsaan Melayu dan memperjuangkan konsep *Malaysian Malaysia* seperti Parti PAP pimpinan Lee Kuan Yew? Perkara ini masih belum terjawab.

Soalan yang sama boleh kita tujukan kepada Semangat '46 dalam hubungannya dengan PAS juga. Dalam pilihanraya umum 1986 dulu, PAS dengan jelas menyatakan pendiriannya. Jika PAS berkuasa, partinya akan menghapuskan hak istimewa orang-orang Melayu seperti yang termaktub di dalam perlembagaan.

Prinsip asal

Juga ia tidak akan berkompromi dengan mana-mana parti politik dalam usahanya untuk menegakkan negara Islam yang perlembagaannya bersumberkan kitab suci Al-Quran dan Sunnah Rasulullah.

Apakah Semangat '46 akan bersedia menerima dua prinsip asas yang menjadi landasan dasar perjuangan PAS ini, walhal acuan perjuangan Semangat '46 adalah UMNO manakala perlembagaannya juga adalah cedukan daripada perlembagaan UMNO? Atau kerjasama ini lebih merupakan 'kerjasama politik' untuk melemahkan dan memberi cabaran kepada UMNO dan Barisan Nasional?

Masih terlalu awal bagi kita untuk membuat penilaian tentang kejayaan atau kegagalan kerjasama parti-parti pembangkang ini. Ia akan terserlah dalam pilihanraya umum akan datang nanti.

Sementara itu, semua parti-parti politik telah sedia mengetahui bahawa pilihanraya umum akan diadakan bila-bila masa sahaja mulai dari sekarang. Tetapi tarikhnya masih belum diketahui dan diputuskan. Mungkin Dr. Mahathir sendiri masih dalam keadaan 'tunggu dan lihat', iaitu masih belum dapat membuat keputusan tentang tarikhnya.

Walaupun bagaimanapun, pilihanraya umum sudah semakin hampir. Mungkinkah dalam bulan Disember nanti, bulan Februari, atau bulan April 1990? Ia masih tetap menjadi teka-teki.

Perjumpaan pucuk pimpinan Parti UMNO dan pemimpin-pemimpin di peringkat bahagian pada hari Sabtu 28 Oktober yang lalu telah menerima amanat daripada Presiden parti bahawa mereka haruslah bersiap sedia dari sekarang untuk menghadapi pilihanraya umum. Tetapi Dr. Mahathir terlalu bijak untuk tidak memberi bayangan bahawa pilihanraya akan diadakan dalam masa sebulan dua ini.

Kenyataan Dr. Mahathir bahawa Persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) pada 18-24 Oktober yang lalu menggunakan masa se-

cuk pimpinan parti.

Apa yang mungkin timbul nanti ialah masalah terlalu ramai mereka yang berminat dan berkebolehan untuk mengisi kerusi-kerusi kosong yang terhad bilangannya. Maka lobi-melobi tidak lagi berlaku di peringkat bahagian sahaja, tetapi lebih hebat lagi ialah di peringkat negeri dan Pusat.

Seperti yang dijelaskan oleh Dr. Mahathir sendiri melalui pengalaman beliau dalam pilihanraya-pilihanraya yang lalu, setiap hari beliau terpaksa menerima rombongan demi rombongan, kadang-kadang tiba pada jam 3.00 pagi di Seri Perdana, yang mendesak supaya calon 'favourite' mereka dipilih dan tidak seorang yang lain.

Perkara ini tentulah memeningkan kepala pucuk pimpinan parti yang mana pilihan yang telah dibuat sepatutnya diterima dan dipatuhi. Tetapi keadaan adalah sebaliknya.

Yang akan menimbulkan masalah nanti ialah pemimpin-pemimpin peringkat bahagian yang tidak terpilih yang akan merajuk, marah dan mungkin mengambil keputusan yang merugikan UMNO sendiri, iaitu bertanding atas tiket bebas atau keluar daripada UMNO untuk menyertai parti lawan.

Sekarang ini sudah ada parti politik yang pintunya sentiasa terbuka luas untuk menerima pemimpin dan penyokong UMNO yang kecewa. Mereka yang kecewa ini akan bertindak menentang UMNO.

Di kawasan-kawasan tertentu yang undi majoriti kemenangan UMNO dan Barisan Nasional begitu kecil sabotaj dari segelintir pemimpin UMNO yang kecewa boleh memberi kemenangan kepada parti lawan.

Kerana itulah, Dr. Mahathir dengan jelas dan berkali-kali mengingatkan supaya orang UMNO menghapuskan andaian bahawa tujuan utama menyertai UMNO ialah untuk menjadi wakil rakyat dan mendapat keuntungan daripada parti.

Mereka diminta supaya kembali kepada prinsip asal perjuangan iaitu untuk membolehkan Parti UMNO membela nasib bangsa Melayu dan UMNO bukannya tempat untuk mencari kesenangan diri dan mencapai cita-cita peribadi.

Walaupun orang-orang UMNO sedia mengetahui akan prinsip ini, tetapi mereka terpaksa sentiasa diberi peringatan kalau-kalau ada yang lebih mementingkan usaha mendapat kedudukan, kuasa, dan akhirnya kesenangan hidup daripada berjuang demi membela nasib bangsa.

Kerana hakikat inilah, Dr. Mahathir yang sudah begitu matang dengan kerendah politik UMNO menerusi pengalaman beliau sendiri yang bersimpang siur dan telah mengalami pelbagai dugaan dan cabaran terpaksa membanyakkan kata-kata nasihat kepada UMNO demi untuk menjaga keutuhan dan perpaduan dalam parti. Betapa tidak kerana perpecahan atau kelemahan UMNO biasanya disebabkan oleh krisis dalaman dan bukannya kerana pihak lawan lebih kuat daripada UMNO.